ISSN : 2180-4141

BIL 5 - JUN 2012

# mycais@unimas

Buletin Pusat Khidmat Maklumat Akademik




20 UNIMAS MOVING FORWARD

## Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Nilai Melalui ROI

Join us on Facebook https://www.facebook.com/caisunimas

Memacu Kecemerlangan Ilmu
www.cais.unimas.my



**Penaung**
Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab Hamid

**Penasihat**
Margaret Simeng

**Ketua Editor**
Korina Ibrahim

**Editor**
Tn. Hj. Valentino Abu Bakar
Wan Abdul Rahman Wan Bujang

**Sidang Pengarang**
Aziz Tuah
Karen Kornalius
Korina Ibrahim
Mohd Khairol Hafiz Sanawi
Margaret Simeng
Norazlina Abdul Rahman
Shahron Saman
Siti Raffidah Tekat
Sri Muniarty John
Tn. Hj. Valentino Abu Bakar
Wan Abdul Rahman Wan Bujang
Zaiden Sanyut
Zaidon Safiee
Zainun Mat Nor

**Jurufoto**
Abd Rahman Mohd Hussain

**Edaran**
Azura Sakawi
Emildawati Abd Hamid
Shafinaz Mohd Dahan
Siti Norfazidah Man

**Maklumat Lanjut :**
**Pusat Khidmat Maklumat Akademik**
**Universiti Malaysia Sarawak**
**94300 Kota Samarahan, Sarawak**
**No. Tel.: 082-583927**
**email: mdshafinaz@cais.unimas.my**
**No. Faks: 082-665156**



# Seulas Kata KETUA PUSTAKAWAN



**Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

Kita bersyukur kerana buletin *mycais@unimas* telah masuk tahun ketiga berjaya diterbitkan. Isu kelima ini menjanjikan lebih banyak lagi aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Pusat memandangkan 2012 merupakan sambutan ulangtahun ke-20 UNIMAS. Pelbagai program telah dirancang samada di peringkat UNIMAS mahupun Pusat untuk menyambut ulangtahun ke-20 Universiti.

Bengkel Hala Tuju PKMA yang telah diadakan pada Januari lepas bertujuan untuk melihat kembali serta memantapkan lagi hala tuju Pusat supaya seiring dengan hala tuju UNIMAS. Pelan Strategik Pusat perlu dirancang sebegitu rupa supaya ianya mengambilkira pelan-pelan strategik UNIMAS di dalam usaha untuk mencapai status Universiti Penyelidikan serta dalam persediaan ke arah Autonomi.

Untuk membantu penarafan Universiti melalui *Webometrics*, strategi kita adalah untuk membangun serta memantapkan lagi Repositori Institusi (RI) UNIMAS supaya capaian kepada khazanah harta intelek warga Universiti dapat dipertingkatkan serta tersebar luas.Ini secara langsung akan meningkatkan lagi petikan terhadap penerbitan warga UNIMAS yang sudah tentu dapat meningkatkan kedudukan Universiti. Pusat juga bertanggungjawab secara berterusan melaporkan tentang rekod serta petikan penerbitan UNIMAS dalam *Scopus* dan *ISI Web of Science (WoS)* serta laporan penerbitan dalam *high impact factor journals* bagi membantu Bahagian Jaminan Kualiti( BJK) di dalam pelaporan untuk memenuhi keperluan MyRA dan lain-lain. Selain itu Pusat juga melalui kerja sama pintar dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), secara berterusan mengadakan bengkel bagi memaklum serta mendedahkan kepada pegawai-pegawai akademik senario penerbitan masa kini bagi membantu mereka di dalam menerbit hasil-hasil penyelidikan.

Bagi memastikan kemajuan profesionalisme para pustakawan sentiasa terjamin, Pusat sekali lagi mengambil inisiatif untuk menganjurkan Konvensyen Kedua PERPUN pada September 2012 nanti. Konvensyen bertaraf antarabangsa kali ini akan mengupas tentang pengurusan nilai di perpustakaan dengan tema *Towards Excellence Through ROI*.

Untuk menjadikan PKMA lebih mesra pelanggan Pusat telah mengemaskini Piagam Pelanggan supaya lebih terperinci dan telus bagi memudahkan pelanggan menilai sistem penyampaian perkhidmatan Pusat. Kajian Kepuasan Pengguna atas talian juga telah dilaksanakan untuk mendapat maklum balas tentang kepuasan serta keperluan pengguna terhadap perkhidmatan & kemudahan yang disediakan selaras dengan objektif strategik UNIMAS untuk mencapai status Universiti Penyelidikan.

Akhir kata saya ingin merakamkan penghargaan serta tahniah kepada semua warga Pusat yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan *mycais@unimas* serta ribuan terima kasih kepada pengurusan tertinggi Universiti di atas sokongan yang berterusan.

**Selamat Menyambut Ulangtahun Ke-20 UNIMAS!**










# ISI KANDUNGAN

**4** • Dua Dekad Memacu Kecemerlangan UNIMAS Melalui PKMA
**5** • PKMA Naik Taraf Sistem Pengautomasian
**6** • Institusi Repositori Menjamin Kepentingan Universiti Terurus
**8** • Persidangan Pengurusan & Profesional Kinabalu II 2012
**10** • Penerbitan Dan Sitasi UNIMAS Menunjukkan Kemajuan Memberangsangkan
**12** • Standard Baru Pengkatalogan "*Resource Description And Access*"
**13** • Latihan Pangkalan Data Atas Talian
**14** • Koleksi Pemimpin Dan Tokoh Terbilang Sarawak
**15** • *EBSCO E-Books Collection*
**16** • Dasar Kualiti UNIMAS / Piagam Pelanggan
**17** • Transformasi: Nilai, Kreativiti & Inovasi
**18** • *CAIS User Survey*
**20** • Santai Ilmu: Tayangan Filem/Dokumentari Januari-Jun 2012
**22** • Senarai Lawatan
**23** • Senarai Aktiviti
**24** • Ramadhan Oh Ramadhan 1433H Datang Lagi
**24** • Kenali Staf PKMA

# Dari Pena KETUA EDITOR



**Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh**

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Illahi kerana dengan izinNya jua maka buletin mycais@unimas, bilangan kelima bagi tahun ketiga telah dapat diterbitkan lagi.

mycais@unimas kali ini banyak memaparkan aktiviti-aktiviti utama PKMA sepanjang Jan-Jun 2012 yang menyokong segala usaha UNIMAS untuk mencapai status universiti penyelidikan. Penganjuran Bengkel Halu Tuju PKMA, pengwujudan Piagam Pelanggan yang lebih terperinci dan telus, kajian terhadap kepuasan pelanggan, penganjuran sesi-sesi perkongsian ilmu serta penubuhan Muzium UNIMAS adalah merupakan di antara komitmen yang diberikan oleh PKMA kepada universiti.

Justeru itu, adalah diharapkan agar keluaran mycais@unimas bilangan kelima ini dapat mempertingkatkan lagi kefahaman para pembaca terhadap peranan PKMA dalam menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di UNIMAS.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buletin ini dan juga kepada para pengguna yang selama ini menggunakan perkhidmatan PKMA dan sentiasa memberi sokongan padu kepada PKMA.

Semoga semua bahan yang dipaparkan akan mendatangkan manfaat kepada semua pembaca

**Selamat membaca, Wassalam.**







Oleh • Tn Hj Valentino Abu Bakar

# DUA DEKAD MEMACU KECEMERLANGAN UNIMAS MELALUI PKMA



**Pengenalan**

Pada 14-15 Februari 2012 yang lepas, Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) telah berjaya mengadakan Bengkel Hala Tuju PKMA : Dua Dekad Memacu Kecemerlangan UNIMAS bertempat di Auditorium PKMA. Bengkel selama 2 hari ini telah disertai seramai 75 orang kakitangan PKMA. Bengkel ini adalah kesinambungan daripada Program Sumbangsaran PKMA 2011 dan juga merupakan resolusi dan komitmen warga PKMA untuk duduk bersama membincangkan isu-isu semasa Pusat serta siri perkongsian ilmu yang pintar di kalangan warga Pusat.



**Objektif Bengkel**

Secara umumnya, bengkel ini adalah bertujuan untuk menghargai setiap warga Pusat dan juga untuk menetapkan hala tuju serta merangka aktiviti/program Pusat pada tahun 2012. Selain daripada itu, ia juga diadakan bagi tujuan berikut :

1. Memantap dan meningkatkan kreativiti dan inovasi di kalangan staf
2. Mewujudkan keceriaan dan semangat berpasukan serta memantapkan kerjasama di kalangan staf
3. Mengeratkan tali silaturrahim di kalangan warga PKMA

**Pengisian Program**

Bengkel dimulakan dengan pendaftaran para peserta seawal jam 8.00 pagi. Seterusnya program dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku & UNIMAS Gemilang. Selesai sahaja bacaan doa, majlis diteruskan dengan ucapan dan amanat daripada Pn Margaret Simeng, Ketua Pustakawan PKMA.

Bagi memberi semangat dan motivasi kepada semua peserta, PKMA turut menjemput Tn Hj Mohd Shuib Hj Maknun daripada Unit Kemahiran Insaniah, PKP untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Bagaimana Menjadi Pekerja Cemerlang'. Program diteruskan dengan Pelaporan Trek Sumbangsaran PKMA 2011 yang telah disampaikan oleh Puan Korina Ibrahim, Timbalan Ketua Pustakawan PKMA. Peserta bengkel telah dibahagikan kepada 7 kumpulan dan setiap kumpulan dibimbing oleh 2 orang fasilitator yang terdiri daripada Pustakawan dan setiap kumpulan diberikan tajuk untuk dibincangkan.

Hari kedua bengkel dimulakan dengan sambungan sesi perbincangan kumpulan. Selesai sahaja sesi perbincangan, setiap kumpulan dikehendaki melantik wakil bagi membentangan hasil tugasan yang telah disiapkan di hadapan semua peserta. Setiap pembentangan akan diselitkan dengan sesi soal jawab supaya setiap cadangan yang diutarakan dapat difahami oleh semua peserta.

Selesai sahaja kesemua kumpulan membuat pembentangan, program diteruskan dengan sesi soal jawab dengan pihak pengurusan PKMA dan seterusnya ucapan penutupan oleh Ketua Pustakawan PKMA. Aturcara terakhir bengkel, semua peserta diminta pergi ke DeTAR UNIMAS untuk menghadiri Amanat Naib Canselor UNIMAS 2012 bersama dengan semua warga UNIMAS.

**Penutup**

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya mencapai objektifnya. Ini berdasarkan kepada komitmen yang ditunjukkan oleh semua peserta terhadap setiap aktiviti dan tugasan yang diberikan. Sepanjang sesi perbincangan dan disusuli pembentangan telah membuktikan kepada kita bahawa semangat kerjasama dan toleransi telah lama wujud di kalangan warga Pusat. Menjadi harapan setiap warga Pusat agar bengkel seperti ini dapat diadakan pada masa-masa yang akan datang.











Oleh • Korina Ibrahim



# PKMA NAIK TARAF Sistem Pengautomasian

**Pengenalan**

Pusat Khidmat Maklumat Akademik telah menjalankan proses perolehan mesin baru/ menaiktaraf mesin yang sedia ada untuk mewujudkan *Material Flow Management System (ISO Compliant)* bermula pada 14 Disember 2010 sehingga 30 November 2011. Projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Khidmat Maklumat (TECIS) melalui mesyuarat JK TECIS Bil.3/2010 Ke-61 pada 17 Jun 2010.

Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Bil. 20/2010 yang dijalankan pada 22 November 2010 telah memilih sebuah syarikat tempatan untuk mengendalikan projek perolehan mesin baru dan naiktaraf tersebut. Kontrak di antara UNIMAS dengan syarikat terbabit telah dibuat pada 10 Disember 2010.

**Latar belakang**

*Material Flow Management System* di PKMA merupakan sistem pengautomasian aktiviti harian yang berkaitan dengan keselamatan bahan, pemprosesan bahan sumber ilmu PKMA, *self check-in* dan *check-out* dan juga pengawalan inventori bahan sumber ilmu PKMA. Penggunaan *Radio Frequency Identification (RFID) tags* dalam *Material Flow Management System* membolehkan pengawalan inventori bahan sumber ilmu PKMA iaitu aktiviti *stocktaking* dijalankan dengan lebih sistematik.



Sistem ini telah diaktif dan digunakan pada 22 Jun 2005 dengan komponen mesin seperti *Staff Workstation, Selfcheck System, Detection System, Smart Check System, Smart Sorter System, Conversion Station, Bookcheck* dan *Digital Library Assistant.*

**Objektif Projek**

Sejajar dengan perkembangan teknologi yang begitu cepat, PKMA juga tidak ketinggalan untuk menjalankan perolehan mesin baru/ menaiktaraf mesin yang sedia ada sebagai langkah mewujudkan *Material Flow Management System (ISO Compliant)* yang mematuhi Piawaian ISO. Pematuhan terhadap Piawaian ISO membolehkan perkongsian data, keupayaan saling boleh kendali, kesalinghubungan, keupayaan mudah alih, kebolehskalaan, keupayaan untuk berubah apabila keperluan maklumat berubah dan *Standard Interface* iaitu keupayaan untuk dimuatkan dengan mudah ke dalam sistem.

**Pelaksanaan Projek**

Projek perolehan dan naiktaraf *Material Flow Management System* telah bermula pada 14 Disember 2010 dan dijalankan dalam 2 fasa seperti berikut:

a. *RFID System Implementation Phase-1* (Perolehan mesin *Self Check, Staff Workstation* dan *Detection Panel*)
b. *RFID System Implementation Phase-2* (Naik taraf firmware pada *Digital Library Assistant, Conversion Station* dan *Smart Check*).

Bagi memastikan *Material Flow Management System (ISO Compliant)* yang dibangunkan berfungsi dengan baik, beberapa pengujian yang berkaitan aliran kerja sistem telah dilakukan. Beberapa tahap pengujian telah dikenalpasti untuk memastikan keseluruhan sistem boleh digunakan.

Pengujian sistem telah dibuat terhadap data dan maklumat, verifikasi data, keselamatan sistem, aliran proses dalam modul, masa tindakbalas dan maklumbalas pengguna.

**Isu Teknikal**

Maklumbalas pengguna/staf adalah penting bagi memastikan sistem yang dibangunkan adalah mesra pengguna dan mudah digunakan. Ciri-ciri utama yang digunakan bagi memastikan penerimaan pengguna keatas sistem ini adalah seperti antaramuka sistem, susunatur maklumat, rekaletak grafik, penggunaan ikon sebagai butang arahan pada mesin, butang panduan, mesej yang dihasilkan dan keselamatan bahan.

**Penutup**

Pembangunan *Material Flow Management System (ISO Compliant)* yang mempunyai ciri-ciri pematuhan terhadap piawaian ISO, diharapkan dapat menjamin aktiviti harian yang berkaitan dengan keselamatan dan pemprosesan bahan sumber ilmu PKMA, *self check-in* dan *check-out* dan pengawalan inventori bahan tersebut, berjalan dengan lebih lancar dan sistematik. Sistem ini juga diharapkan dapat memantapkan lagi pengurusan sumber ilmu PKMA seiring dengan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang cemerlang samada di peringkat pusat atau universiti.

*Oleh • Korina Ibrahim & Karen Kornalius*

# Institusi Repositori Menjamin Kepentingan Universiti Terurus



## Pengenalan

Repositori Institusi UNIMAS (*UNIMAS IR*) telah membuka satu peluang kepada PKMA untuk melibatkan diri secara langsung dalam inisiatif Universiti iaitu menjamin khazanah Universiti terurus, terpelihara serta meningkatkan pengaksesan dan perkongsian maklumat. Ini selaras dengan hasrat teras Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara untuk pembelajaran sepanjang hayat dan membangunkan modal insan.

Khazanah Universiti yang disimpan oleh PKMA antaranya adalah seperti berkut:

- Tesis dan Disertasi
- Laporan Projek Tahun Akhir Pelajar
- Kertas Seminar/Persidangan/Konferens
- Kertas Penyelidikan F/P/IB
- Penerbitan Universiti
- Keratan Akhbar mengenai UNIMAS

Pembangunan Repositori Institusi UNIMAS melibatkan semua pihak F/P/IB untuk menyumbang bahan-bahan terutama kertas penyelidikan dan persidangan ke dalam koleksi penerbitan UNIMAS untuk dicapai oleh pihak pengurusan atasan UNIMAS khasnya serta warga universiti dan komuniti amnya.

## Objektif Utama

Tujuan utama Repositori Institusi UNIMAS ditubuhkan ialah untuk:

- Menyediakan akses terbuka kepada hasil kajian institusi dengan memuatnaik sendiri bahan-bahan seperti artikel oleh pengarang/penyelidik;
- Menyimpan dan memelihara aset khazanah ilmu digital institusi, hasil kerja termasuk tesis atau
- laporan yang tidak diterbitkan atau mudah hilang.
- Mengumpul seluruh kandungan hasil kajian dalam satu lokasi.
- Meningkatkan visibiliti terutama dalam penarafan Universiti.

## Peneraju Utama dan Tanggungjawab

Ahli Jawatankuasa Pelaksana

Satu Jawatankuasa Pelaksana telah ditubuhkan pada 29 Januari 2009 bagi memastikan Repositori Institusi UNIMAS dilaksana.

Rajah 1: Senarai ahli Jawatankuasa Pelaksana UNIMAS-IR

*UNIMAS Institutional Repository Implementation Task Force*




CAIS
1. Pn. Korina Ibrahim
2. En. Aziz Tuah
3. Cik Gloria Jennis Tan
4. Cik Noorazerin Alladen

CICTS
1. Pn. Flora Intai
2. Pn. Siti Sabrina Sabri

CAIS
1. Pn. Hjh Siti Sumaizan Ramli
2. Cik Karen Kornalius
3. Pn. Sri Muniarty John
4. Pn. Nor Azlina Abdul Rahman
5. Pn. Siti Raffidah Tekad
6. Cik Hejilda Hendrick
7. En. Mohd Khairol Hafiz
8. Cik Sh Rokayah bt Wan Hajemi
9. En. Abdul Rahman B Hj Mohd Hussain

*FACULTY REPRESENTATIVES:*
1. En. Shahrol Mohamaddan - FK
2. En. Qammil Muzzammil Abdullah @ Mee Kiong - FSTS
3. Dr. Neilson Ilan Mersat - FSS
4. Pn. Victoria Jonathan - FSKPM
5. En. Terrin Lim - FSKTM
6. Pn. Siti Marina Kamil - PPB
7. Prof. Dr. Mohd Shafiq Abdullah - FPSK
8. Dr. Nur Afifah Vanitha Asdullah - FSGK





## Teknologi Yang Digunakan

Repositori Institusi UNIMAS telah dibangunkan mulai Januari 2010 dengan menggunakan *Symposia Institutional Repository*. Sistem ini merupakan satu alat repositori yang pertama untuk bahan digital dan direka khas oleh *Innovative* untuk pustakawan.

Ciri-ciri Sistem Repositori Institusi UNIMAS

- Sistem pengurusan koleksi yang efektif dan sistematik.
- Pengurusan proses upload koleksi yang mudah dan cepat terutamanya *bulk upload*.
- Pengurusan maklumat bibliografi terutamanya metadata dan pengindeksan yang efektif dan mudah dikemaskinikan.
- *Compliant with Open Archives Initiative - Protocol for Metadata Harvesting*
- Kurang penyelenggaraan dari segi *Interface Customization* dan mudah diintegrasikan dengan Sistem Perpustakaan Millennium.









## Fasa Projek

Penetapan Perisian dan Instalasi

Jadual 1. Penetapan Perisian Dan Instalasi

| Kategori | Jenis | Keterangan |
|---|---|---|
| Sistem Pengoperasian | Linux | *Red Hat Enterprise Linux Version 5, 64-bit version* |
| Perkakasan | Ruang Storan | *300Gb* |
| | Memori | *16Gb* |
| | CPU | *Intel Xeon 5430 Processors 2.66 Ghz* |
| Perisian | Pelayan Web | *Apache* |
| | Sistem Repositori | *Symposia* |
| | Pangkalan Data | *Oracle* |

Muatnaik Data dan Pengujian Rekod

Rekod-rekod tesis telah diasingkan mengikut fakulti dan tahun dan digunakan sebagai *testing records*. Pengujian terhadap rekod-rekod ini dari segi pemetaan di antara rekod berbentuk digital dalam format *pdf* dengan rekod bibliografik *MARC* dalam Sistem Millennium telah dilakukan oleh pihak vendor bagi mengenalpasti cara terbaik untuk menjalankan proses muatnaik data secara *batch*.

**Rajah 3. Pemetaan Rekod PDF dengan Rekod Bibliografik**

| Millennium | | | | | Symposia |
|---|---|---|---|---|---|
| *Bib record* | *Item Rec* | | *Barcode no.* | *Scanned doc* | |
| b11256485 = Kertas soalan peperiksaan akhir : Fakulti Sains Sosial / Universiti Malaysia Sarawak. | i11458173 | → | 1000152940 | ← | 1000152940 pdf |
| | i11458185 | → | 1000152941 | ← | 1000152941 pdf |
| | i11458197 | → | 1000152942 | ← | 1000152942 pdf |
| | i1145846x | → | 1000152944 | ← | 1000152944 pdf |

Tag 856 berfungsi sebagai *linker* di antara rekod bahan (*.pdf*) dalam Symposia dengan rekod *MARC* dalam Millennium. Proses peningkatan kualiti bahan digital ke bentuk format yang boleh dicapai/diakses melibatkan peringkat pengeditan, *OCR*, metadata dan pengindeksan. Proses ini dilakukan dengan perisian *Adobe Acrobat 9.0 Pro* and *ABBYY Fine Reader 9.0*.

5.3 Latihan/Bengkel

Latihan/ Bengkel dibahagikan kepada dua bahagian:

Latihan Dalam Talian (*Online Training*)

- Sesi *Webex*
  - Latihan yang dijalankan oleh pihak Innovative untuk *URI* dan *UPSS*

*On Site Training*

- Latihan yang dijalankan oleh pihak Innovative untuk *URI* dan *UPSS*
- Latihan/Bengkel dijalankan oleh *URI* untuk wakil Fakulti/Pusat (*Submitter*)

*Submission* bagi semua Fakulti/Pusat bermula pada 19 Mei 2011 setelah latihan-latihan diberikan. Sebahagian daripada F/vP/B belum lagi dapat menjalankan latihan disebabkan oleh masalah teknikal berkaitan dengan isu *Log-in*. Walau bagaimanapun masalah berkaitan telah berjaya diselesaikan pada 24 November 2011. Untuk wakil F/vP/B yang belum lagi mendapat latihan, mereka akan dibenarkan untuk membuat *Submission* selepas pengemaskinian struktur IR dijalankan.

| Tarikh | Masa | Tempat | Fakulti/Pusat |
|---|---|---|---|
| 19 Mei 2011 | 08.30am-10.30am | Makmal Komputer Aras G (PKMA) | PBB |
| 24 Mei 2011 | 09.00am-11.00am | Makmal Komputer (Perpustakaan Perubatan) | FPSK |
| 09 Jun 2011 | 09.00am-10.00am | Makmal Animasi Aras 1 FSGK | FSGK |
| 14 Jun 2011 | 09.30am-11.30am | Makmal Komputer Aras 1 FSKPM | FSKPM |
| | 02.30pm-03.30pm | Makmal Komputer Aras G (PKMA) | FEB |
| 22 Jun 2011 | 09.00am-10.00am | Makmal Komputer Aras G (PKMA) | FIT |
| 15 Ogos 2011 | 09.00am-11.00am | Makmal Komputer Aras G (PKMA) | FSTS |
| 6 Sept 2011 | 02.00pm-03.00pm | Makmal Komputer Aras G (PKMA) | FK |



Oleh • Sri Munlarty John

# Persidangan Pengurusan & Profesional Kinabalu II 2012

**26-27 April 2012**
**Hotel Promenade, Kota Kinabalu Sabah.**







Persidangan telah dimulakan dengan ucapan aluan daripada pengerusi persidangan iaitu Encik Zawawi Tiyunin. Beliau menggesa agar AJK Persidangan memberikan layanan yang terbaik kepada peserta persidangan dan menyarankan kepada peserta untuk mengambil peluang untuk bertanyakan apa-apa isu berkaitan dengan tema; Transformasi: Nilai, Kreativiti & Inovasi.

Sesi pertama dimulakan dengan kertas kerja bertajuk 'Peranan Penjawat Awam Dalam Mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)' oleh Tan Sri Abu Bakar Hj. Abdullah (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negara). Menurut beliau, aspirasi perdana menentukan hala tuju Negara. Ia terbahagi kepada empat (4) iaitu sosial, ekonomi, politik dan luar bandar. Dalam transformasi perkhidmatan awam terdapat enam cabaran semasa perkhidmatan awam iaitu kemajuan ICT (sistem penyampaian), k-ekonomi yang berteraskan kepada pengetahuan ekonomi, tadbir-urus dan profesionalism (untuk mencapai prestasi yang tinggi), ekspektasi pelanggan dan *stakeholder*, peningkatan pengetahuan dan globalisasi liberalisasi (untuk meningkatkan daya saing negara).

Empat faktor utama dalam daya saing negara ialah prestasi, ekonomi, kecekapan kerajaan dan kecekapan perniagaan serta pembangunan infrastruktur. Antara ciri-ciri untuk menentukan daya saing negara adalah berwawasan tinggi, berani bersaing, kepantasan membuat keputusan, sentiasa peka dan beretika dan berintegriti.

Sesi kedua membawa tajuk 'Peranan Penjawat Awam di negeri Sabah Dalam Mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)'. Ia telah disampaikan oleh Encik Ginun Yangus, Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPA Negeri Sabah. Seorang penjawat awam seharusnya mempunyai kreativiti dan inovasi iaitu berfikiran secara kritis dan konstruktif serta mencari penyelesaian kreatif dan inovatif. Kepimpinan strategik merupakan elemen tunjang dalam proses transformasi, keutuhan dan kewibawaan dengan cara mengaplikasi dan mengadaptasi idea-idea yang kreatif.

Perkhidmatan berasaskan prestasi akan menjadikan *outcome* bagi setiap inisiatif dan program yang dilaksanakan. Kaedah perlaksanaan perlu cekap dan efektif dan akhirnya akan menghasilkan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Seorang penjawat awam juga harus mempunyai keputusan bertindak dan membuat keputusan. Ianya dapat dilaksanakan dengan mengotakan janji dan ketelusan dalam urusniaga, seperti dalam pemberian lesen, *development order* dan juga pemberian tender kontrak.

Sesi ketiga merupakan forum yang bertajuk 'Peranan Penjawat Awam Dalam Mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)'. Datuk Gan Po Tiau, Mantan Pengarah Kumpulan Sumber Manusia Karambunai Corp. Behad telah menjadi perantara bagi kedua-dua ahli panel dalam forum tersebut.

Panel pertama, Prof. Dato' Mohd. Hamdan Adnan, professor di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyatakan dalam forumnya; "Apabila orang tidak nampak kerja kita, maka kita tidak akan dihargai". Ini kebiasaan yang berlaku. Apabila kita tidak menonjolkan diri, ia seperti seolah-olah kita tidak bekerja. Sebaliknya pula sekiranya kita mendedahkan apa saja yang kita lakukan, barulah kita akan dihargai. Seorang penjawat awam seharusnya bekerja dengan ikhlas tanpa mengharapkan penghargaan.

Beliau menyarankan agar para penjawat awam membuka minda dan dan keluar dari kotak pemikiran yang sempit. Prof. Dato' juga menyatakan bahawa minda manusia umpama payung terjun, ia hidup bila ia dibuka. Adakalanya kita tidak perlu dihargai untuk semua tugas yang kita lakukan, tetapi memadailah sekiranya cadangan atau idea yang diberikan boleh digunapakai dan member manfaat kepada semua. Kita hendaklah berkemampuan untuk melihat secara menyeluruh. *Front-liner should have listening skills;* kita sering kali menghadapi masalah bila ramai yang tidak mendengar. Sebagai penjawat awam janganlah membuat keputusan hanya dengan mendengar dari sebelah pihak sahaja.

Bagi panel kedua pula Tuan Haji Mohd. Nawardi bin Saad, transformasi merupakan perubahan yang besar, nyata dan benar-benar dirasai. Perubahan yang tidak ketara bukanlah dianggap transformasi. Transformasi berlaku secara fizikal dan mental. Sebagai penjawat awam sering kali kita bertemu bila idea yang sama tetapi bila dibawa oleh orang lain idea itu tidak diterima. Ia jelas menunjukkan kepada kredibiliti dan pilihan ramai juga birokrasi. Penjawat awam seharusnya memberikan yang terbaik bukannya mengharapkan yang terbaik. Persepsi yang tidak diuruskan dengan baik akan menjadi realiti.








Hari kedua diteruskan dengan sesi ke-4 oleh Profesor Tan Sri Dato' Zulkifli Abd. Razak, Naib Canselor *Albukhary International University (AIU)* dengan kertas kerjanya yang bertajuk 'Kreativiti dan Inovasi Memacu Transformasi IPT'. Beliau menerangkan mengenai inovasi dan transformasi. Perubahan secara total dapat dirasai dengan melakukan transformasi minda. Ini kerana apabila transformasi minda berlaku, keseluruhan transformasi juga akan turut berlaku.

Sesi ke-5 dengan tajuk 'Kreativiti dan Inovasi Memacu Transformasi' disampaikan oleh Datuk Mohd. Yaakub Hj. Johari, Presiden merangkap Ketua Eksekutif *Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)*. Kertas kerja beliau menerangkan mengenai perancangan yang lebih kepada persekitaran dan pembangunan alam sekitar Sabah. Beliau mengaitkan transformasi dengan mengubah keadaan yang lama *(old version)* kepada sesuatu yang baru. Perbandingan dilakukan sebelum dan selepas melalui proses transformasi. Melalui proses transformasi, *SEDIA* berusaha untuk mengubah longkang besar yang menghubungkan Sungai Sembulan dengan membina taman rekreasi sebagai tempat riadah untuk orang ramai. Ia juga merupakan inovasi dengan mengajar orang ramai untuk menjaga kebersihan.

Sesi yang terakhir diteruskan dengan forum "Kreativiti dan Inovasi Memacu Transformasi". Moderator bagi sesi ini ialah En No'man Datuk Hj. Ahmad, Presiden Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) Universiti Malaysia Sabah (PPUMS). Panel-panelnya terdiri daripada Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah, TNC (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Tuan Haji Mohammad Mentek, Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Sabah dan Cik Zurina Datuk Hanafiah, Pengurus Besar Celcom Sabah.

Menurut Prof. Harun, transformasi merupakan sesuatu yang lebih kreatif dan inovatif. Seseorang perlu ada minda yang konstruktif untuk memastikan transformasi berjaya. Tuan Haji Mohammad menyatakan bahawa penjawat awam perlu melalui proses transformasi. Pandangan Pengurus Besar Celcom pula lebih kepada hasil / keuntungan perniagaan. Dalam aspek penjawat awam, ia boleh dikaitkan dengan produktiviti dan kualiti dalam melaksanakan tugas. Inovasi baginya adalah menukarkan idea kepada wang. Sekiranya tidak mendapat keuntungan ia tidak perlu diteruskan.

Sebagai majikan atau ketua, kita haruslah menghargai staf dan memberikan mereka pulangan yang setimpal. Laksanakan apa yang dikatakan kerana transformasi bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan banyak pengubahsuaian dan perlu diingatkan bahawa apabila sesuatu menjadi rutin, perubahan itu menjadi sesuatu yang sukar. Janganlah menjadi ketua yang autokratik tetapi jadilah seorang ketua yang demokratik. Bekerja di mana anda ingin bekerja kerana itu adalah tempat anda yang terbaik.



Oleh • Wan Abdul Rahman Wan Bujang





# PENERBITAN DAN SITASI UNIMAS
## Menunjukkan Kemajuan Memberangsangkan

1. Bilangan Rekod UNIMAS bagi penerbitan yang diterbitkan di dalam *Scopus* (rekod 1996-2012) & *ISI WoS* (2000-2012) sehingga Mei 2012.

| Tahun | Rekod *Scopus* | Rekod *ISI WoS* | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 2012 | 56 | 23 | 79 |
| 2011 | 202 | 84 | 286 |
| 2010 | 193 | 120 | 313 |
| 2009 | 145 | 90 | 235 |
| 2008 | 104 | 88 | 192 |
| 2007 | 70 | 49 | 119 |
| 2006 | 79 | 56 | 135 |
| Total Kumulatif | | | 1359 |

Jadual 1. Menunjukkan Perkembangan Bilangan Rekod UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus* dan *ISI WoS* sehingga bulan Mei 2012.




Rajah 1. Menunjukkan Perkembangan Bilangan Rekod UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus* dan *ISI WoS* sehingga bulan Mei 2012.

2. Bilangan petikan UNIMAS bagi penerbitan yang diterbitkan di dalam *Scopus* (rekod 1996-2011) & *ISI WoS* (2001-2011) sehingga bulan Mei 2012.

| Tahun | Petikan *Scopus* | Petikan *ISI WoS* | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 2012 | 490 | 317 | 807 |
| 2011 | 1268 | 918 | 2186 |
| 2010 | 1077 | 780 | 1857 |
| 2009 | 826 | 569 | 1395 |
| 2008 | 558 | 362 | 920 |
| 2007 | 436 | 278 | 714 |
| 2006 | 312 | 167 | 479 |
| Total Kumulatif | | | 8358 |

Jadual 2. Menunjukkan Perkembangan Bilangan Petikan UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus* dan *ISI WoS* sehingga bulan Mei 2012.




Rajah 2. Menunjukkan Perkembangan Bilangan Petikan UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus* dan *ISI WoS* sehingga bulan Mei 2012

3. Peratus Kenaikan Rekod dan Petikan Di dalam *ISI Web of Science* dan *Scopus* Dalam Tempoh 5 Tahun.

| Sumber | Bilangan Rekod 2006-2010 | Bilangan petikan 2006-2010 | Bilangan Rekod 2007-2011 | Bilangan Petikan 2007-2011 | Peratus (%) Kenaikan Rekod | Peratus (%) Kenaikan Petikan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| *Scopus* | 583 | 3176 | 668 | 4034 | 14.58 | 27.01 |
| *ISI WoS* | 402 | 2123 | 420 | 2795 | 4.48 | 31.65 |

Jadual 3. Menunjukkan Peratusan Perkembangan Bilangan Rekod & Petikan UNIMAS di dalam *Scopus* dan *ISI Wos* sehingga bulan Disember 2011.

4. Nisbah Bilangan Rekod dan Petikan
1.4.1. Bilangan Petikan 2007-2011/ Bilangan Rekod 2007-2011

| Sumber | Bilangan Rekod 2007-2011 | Bilangan petikan 2007-2011 | Petikan/ rekod |
|---|---|---|---|
| *Scopus* | 583 | 3176 | 668 |
| *ISI WoS* | 402 | 2123 | 420 |

Jadual 4. Menunjukkan Nisbah Perbandingan Antara Bilangan Rekod & Bilangan Petikan UNIMAS di dalam *Scopus* dan *ISI Wos* sehingga bulan Mei 2012.

5. Faktor Impak Kumulatif, UNIMAS
1.5.1. Sumber Penerbitan: *Scopus* & *ISI WoS*
1.5.2. Sumber Faktor Impak : *Journal Citation Report (JCR)*
1.5.2.1. Jumlah faktor impak terkini hanya sehingga tahun 2010 sahaja.

| Tahun | 2009 | 2010 | Total |
|---|---|---|---|
| Faktor Impak Kumulatif *(Scopus)* | 975.807 | 1048.155 | 2023.962 |
| Faktor Impak Kumulatif *(WoS)* | 203.275 | 213.863 | 417.138 |
| Total Kumulatif Faktor Impak | | | 2441.1 |

Jadual 5. Menunjukkan Jumlah Faktor Impak Penerbitan UNIMAS di dalam *Scopus* dan *ISI WoS* sehingga bulan Mei 2012.



6. Bilangan Penerbitan Dan Petikan UNIMAS Mengikut Fakulti Untuk Tahun 2012 (Sehingga Mei 2012)

| Fakulti | Rekod *Scopus* | Petikan *Scopus* | Rekod *ISI WoS* | Petikan *ISI WoS* |
|---|---|---|---|---|
| FSTS | 24 | 1 | 12 | * |
| FPSK | 5 | 1 | 3 | * |
| FK | 16 | 0 | 4 | * |
| FSKTM | 4 | 0 | 0 | * |
| FEB | 4 | 0 | 1 | * |
| FSKPM | 0 | 0 | 1 | * |
| FSS | 1 | 0 | 0 | * |
| FSGK | 0 | 0 | 0 | * |
| IBEC | 2 | 0 | 1 | * |
| IKPK | 1 | 0 | 1 | * |
| PPB | 1 | 0 | 0 | * |
| PREUNI | 1 | 1 | 0 | * |
| FK/FIT | 1 | 0 | 0 | * |
| FSS/PPB | 1 | 0 | 0 | * |
| FSTS/IBEC/CTTC | 1 | 0 | 0 | * |
| RIMC/FSKPM | 1 | 0 | 0 | * |
| Jumlah | 63 | 3 | 23 | * |

*Catitan: Jumlah Petikan *ISI WoS* tiada dinyatakan kerana pangkalan data tersebut tidak dilanggan.

Jadual 6. Menunjukkan Perkembangan Bilangan Rekod dan Petikan Mengikut Fakulti di UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus* dan *ISI WoS* sehingga bulan Mei 2012.






Oleh • Aziz Tuah

# R | D | A
RESOURCE DESCRIPTION & ACCESS

## STANDARD BARU PENGKATALOGAN "RESOURCE DESCRIPTION AND ACCESS"

*Resource Description And Access* atau lebih dikenali dengan *RDA* merupakan satu standard baru untuk rujukan pengkatalogan bahan di zaman perkembangan teknologi maklumat kini. *RDA* sebenarnya masih dalam peringkat kajian dan kelak akan menggantikan *AACR2* ekoran daripada kritikan yang mengatakan *AACR2* kini tidak lagi sesuai dimanfaatkan dalam zaman teknologi yang semakin berkembang kerana kod pengkatalogan yang digunakan adalah terlalu kompleks dan kuno serta sukar diterapkan untuk bahan-bahan digital. *AACR2* masih berterapkan konsep kad katalog zaman dahulu. Hasil daripada kritikan-kritikan yang diterima maka, *Joint Steering Committee for Revision AACR2* dan *Committee of Principles for AACR2* telah mula melakukan perubahan kepada kod/ sistem pengkatalogan agar bersesuaian dengan perkembangan teknologi masa kini khasnya kepada sumber-sumber digital. *RDA* juga merupakan suatu kerangka yang fleksibel untuk mendeskripsikan sumber-sumber digital. Datadata lebih mudah disesuaikan dengan struktur pangkalan data, lebih efisien dan *'compatible'* dengan cantuman yang telah ada dalam katalog perpustakaan dalam talian. *RDA* dibangunkan atas landasan *AACR* dan merupakan panduan untuk deskripsi *(resource description)* dan akses yang meliputi semua jenis sumber di dunia digital. *RDA* dikembangkan oleh *IFLA* berdasarkan kepada :

a. *The International Cataloguing Principles*
b. *Functional Requirements for Bibliographic Record*
c. *Functional Requirements for Authority Data*
d. *For Bibliographic Description International Standard*

*RDA* tidak diperolehi dalam bentuk atau format bercetak seperti *AACR* tetapi diperolehi dalam bentuk *'web-based tools'*. Ia direka sesuai dengan konsep dunia digital yang memiliki ciri khusus sebagai berikut :

(1) Disesuaikan dengan *FRBR (Functional Requirement for Bibliographic Record)* dari *IFLA* dan model data baru yang relevan.
(2) Tata letak dan format lebih ramah terhadap pengguna *(user-friendly)*. Maksudnya tidak hanya dimengerti oleh pustakawan sahaja, tetapi juga kepada orang awam.
(3) Struktur *RDA* mempunyai tiga bahagian atau seksyen utama, ditambah dengan beberapa lampiran (untuk penggunaan huruf besar, singkatan, kata sandang, penyajian data deskriptif dan data pengendalian titik temu) suatu daftar istilah, dan *index*.

Tiga bahagian utama tersebut adalah:

- *Part I - Resource Description* (termasuk sasaran fungsional dan prinsip-prinsip deskripsi sumber maklumat)
- *Part II - Relationships* atau hubungan (petunjuk umum tentang hubungan-hubungan, termasuk individu, keluarga, badan korporat, hubungan dengan sumber ; sitasi untuk karya yang berhubungkait, dan petunjuk khusus untuk beberapa jenis karya tertentu)
- *Part III - Access Point Control* (merumuskan titik akses dan mencatat data yang digunakan dalam pengendalian titik akses).

Di antara kandungan kerangka *(draft)* yang paling mutakhir bagi RDA adalah seperti berikut:

- *Introduction*
- *General guidelines for resource description*
- *Identification of the resource*
- *Technical description*
- *Content description*
- *Information on terms of availability*



Kesimpulannya, terdapat beberapa kelebihan *RDA* iaitu *RDA* membawa perpustakaan menuju ke era digitalisasi dengan menyediakan panduan untuk mengkatalog bahan digital dan bukan digital. *RDA* berfokus pada deskripsi sumber maklumat dan pengguna dapat menggunakan kandungan *RDA* dengan berbagai skema pengkodan, misalnya *MODS (Metadata Object Descriptions Standard)*, *MARC 21* atau *Dublin Core*, *RDA* bersifat adaptif dan fleksibel iaitu dapat digunakan oleh masyarakat di luar perpustakaan malahan *RDA* dapat disesuaikan, untuk mengkatalog jenis bahan perpustakan yang spesifik. Akhir kata, *RDA* dijangka dapat meningkatkan keefisienan mengkatalog bahan mengikut format khusus dan juga melalui *'online tools'*.

Oleh • Sri Muniarty John









## LATIHAN PANGKALAN DATA ATAS TALIAN

### ScienceDirect

SciVerse ScienceDirect

Pada 17 Mei 2012 latihan pangkalan data atas talian *ScienceDirect* telah diadakan di makmal terbuka komputer Aras 1, PKMA. Fasilitator bagi latihan ini adalah Yu Lang wakil dari *Elsevier Science*. Seramai lebih 30 orang peserta telah mengikuti latihan ini. Peserta yang paling ramai adalah dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang terdiri daripada para doktor dan pensyarah. Pelajar Master dan Ph.D dari Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat serta pustakawan-pustakawan PKMA.

Latihan bermula pada jam 9:15 pagi dan berakhir pada jam 10:40 pagi. Pangkalan data ini kaya dengan koleksi jurnal yang disediakan oleh pangkalan data bibliografik yang sesuai untuk meluaskan pencarian bacaan dan rujukan serta meningkatkan penggunaan rujukan atas talian. Teks penuh hanya dapat diakses bagi jurnal yang dilanggan oleh PKMA.

Antara subjek yang terdapat dalam pangkalan data ini yang dilanggan oleh PKMA ialah *Medicine, Biochemistry, Genetics, Molecular Biology, Business, Management* dan *Accounting*. Pangkalan data ini sangat sesuai digunakan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan serta fakulti-fakulti lain yang mempunyai bidang pengurusan.

Sesi latihan ini juga telah menyediakan *hands-on* kepada peserta untuk mencuba sendiri pencarian bahan melalui pangkalan data *ScienceDirect*. Peserta-peserta latihan amat berpuas hati kerana dapat memahami penerangan yang disampaikan oleh fasilitator tersebut.

PKMA amat berharap pelajar, pensyarah, penyelidik dan staf UNIMAS akan mengguna-pakai semua kemudahan yang ditawarkan oleh PKMA bagi meningkatkan lagi kepenggunaan sumber untuk pengajaran dan pembelajaran di samping menambah ilmu pengetahuan.



# KOLEKSI PEMIMPIN DAN TOKOH TERBILANG SARAWAK

Oleh • Siti Rafidah Tekad



Terdapat beberapa personaliti sejarah tempatan yang telah banyak memberi sumbangan yang penting kepada negeri Sarawak sepanjang hayat mereka. Melalui kegigihan mereka, generasi kini dapat menikmati kehidupan yang selesa di negeri yang indah dan membangun ini. Justeru itu, koleksi Tokoh Sarawak turut diwujudkan dengan mengetengahkan tokoh dan pahlawan yang terkenal seperti Rentap, Rosli Dhoby, Tun Jugah, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Sherip Masahor, Dato Sri Edmund Langgu Saga dan Dato Sri Tra Zehnder,

Sepanjang hayat pemimpin dan tokoh ini, mereka telah menunjukkan kehebatan sebagai pemimpin yang berwibawa dalam pelbagai bidang, pejuang yang berjiwa kental dan mempunyai semangat jati diri yang tinggi untuk membebaskan negeri Sarawak dari cengkaman penjajah. Bagi mengenang jasa dan sumbangan mereka inilah, maka wujudnya Koleksi Pemimpin dan Tokoh Terbilang Sarawak di PKMA. Ibarat kata pepatah Melayu "Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama".



Unit Pengurusan Koleksi Khas dan Arkib sedang membangunkan Koleksi Pemimpin dan Tokoh Terbilang Sarawak. Koleksi ini merangkumi gambar, biodata, buku, keratan akhbar dan maklumat pemimpin yang pernah menerajui negeri Sarawak serta tokoh yang pernah berjuang, berbakti dan mengharumkan negeri Sarawak.

Koleksi pemimpin menghimpunkan bahan berkaitan dengan TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Ketua Menteri Negeri Sarawak daripada tahun 1963 sehingga kini.

Antara buku yang terdapat dalam koleksi Pemimpin dan Tokoh Terbilang Sarawak ialah seperti buku Datuk Stephen Kalong Ningkan: *First Chief Minister of Sarawak*, Tra Zehnder: *Iban Women Patriot of Sarawak*, *Biografi novel Zain Hashim*, *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, *Taib's Initiative in Developing and Elevating Sarawak*, Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak, Tun Haji Openg bin Abang Spi'ee: *First Malaysian Governor of Sarawak*, *Heroes of the Land of Hornbill* dan sebagainya. Koleksi ini ditempatkan di Unit Pengurusan Koleksi Khas dan Arkib di aras 3 bangunan PKMA.





Oleh • Shahron Saman dan Zainun Mat Nor



# EBSCO E-BOOKS COLLECTION

*Netlibrary* adalah salah satu pangkalan data atas talian bagi koleksi buku eletronik yang terdapat di Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) yang dilanggan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

*Netlibrary* asalnya adalah salah satu produk keluaran dari pihak *Online Computer Learning Center (OCLC)*. Diakibatkan oleh beberapa masalah dalaman *Netlibrary* telah diambil alih oleh *EBSCOHOST* dan ditukar nama kepada *EBSCO e-books Collection* pada Julai 2011.

Pangkalan data ini mempunyai lebih 10 000 koleksi buku elektronik yang menjangkaui topik Sastera, Kejuruteraan, Sejarah, Politik, Ekonomi, Business, Sains Perubatan & Kesihatan, Sains Komputer, Matematik, Pisikologi dan Teologi. Bagaimanapun, untuk keperluan UNIMAS, hanya 2042 judul buku eletronik sahaja yang dilanggan oleh KPT.

Pencarian buku eletronik di pangkalan data ini dipermudahkan dengan kaedah pencarian kata kunci dan juga penggunaan frasa. Jika kaedah ini masih juga tidak memberikan hasil kita boleh menggunakan pautan *"dictionary"* untuk mencari maklumat lanjut berkenaan dengan buku elektronik yang dicari. Pautan ini boleh membantu dalam mencari maksud seerti bagi kata kunci yang dicari atau memberikan kata kunci yang lain bagi bantuan pencarian selanjutnya.



Buku-buku elektronik didalam pangkalan data ini boleh dibaca menggunakan perisian *Adobe Digital Edition* yang boleh didapati percuma melalui halaman *web Adobe*. Bagi pengguna yang kerap merantau pangkalan data ini juga dapat diakses melalui peralatan mudah alih anda seperti Ipad atau Iphone. Untuk memudahkan penggunaan peralatan mudah alih tersebut pengguna dikehendaki membuka akaun peribadi *EBSCOhost* melalui *EBSCO ebooks Collection* yang juga boleh dibuat secara percuma. Ini untuk memastikan pertautan diantara *ebsco* dan pengguna dapat diperkemaskan dan keselamatan jaringan dapat ditentukan dengan lebih sistematik. Untuk membuka akaun bagi pengguna peralatan mudah alih pengguna boleh pergi ke pautan *"sign in"* dan kemudiannya ke pautan *"create new account"*.



Tidak semua *e-books* di dalam *EBSCO e-books* boleh dimuat turun. Kita boleh membuat carian dengan menekan pautan *"Download available"* untuk memastikan pencarian kita dihadkan kepada buku elektronik yang boleh dimuat turun sahaja.



Pangkalan data ini boleh diakses menggunaan *PC Microsoft* ataupun *MAC*. Walaupun begitu pengguna *MAC* perlu memuatturun perisian *PDF browser plug in* sebelum dapat menggunakan *"eBook viewer"*. Perisian ini dapat dimuat turun melalui halaman web *EBSCOhost* melalui pautan *go help>ebooks>ebooks viewer*.



Jika pengguna masih lagi mengalami kesulitan dalam mengakses pangkalan data ini mereka boleh menggunakan fungsi *HELP* yang terdapat di toolbar pangkalan data ini.

Rujukan




*Website ebscohost*

*Website ebsch ebooks.*

*http://www/libraryjournal.com/article/ca6723206.html*

*http://www.library.auckland.ac.nz/database/learn_database/public.asp?record=netlibrary.*

Oleh • Tn. Hj. Valentino Abu Bakar



# DASAR KUALITI UNIMAS

UNIMAS komited untuk menyediakan khidmat pengurusan akademik, penyelidikan dan kesarjanaan yang berkualiti melalui usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan serta pengujudan budaya kualiti dan memenuhi kepuasan pelanggan.

# PIAGAM PELANGGAN





Piagam Pelanggan merupakan satu bentuk komitmen bertulis jabatan / agensi Kerajaan terhadap bentuk penyampaian sesuatu produk atau perkhidmatan melalui pendekatan yang terbuka, jelas, telus dan berterusan. Ini kerana setiap komitmen bertulis yang dipamerkan berorientasikan pelanggan, hasil disamping mutu perkhidmatan yang diberikan dengan beretika dan mesra.

PKMA begitu komited dan percaya Piagam Pelanggan merupakan pemacu perubahan kepada budaya kerja cemerlang organisasi ke arah sistem penyampaian perkhidmatan yang responsif dan bermula tahun 2008 dengan penubuhan jawatankuasa Piagam Pelanggan PKMA maka terbentuklah satu piagam pelanggan PKMA seiring dengan Piagam Pelanggan UNIMAS ke arah meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan Pusat dan Universiti kepada pelanggan.

Menerusi Piagam Pelanggan ini juga yang mengambil kira keupayaan dan kemampuan Pusat iaitu berdasarkan norma masa dan standard kualiti yang ditetapkan maka beberapa penambahbaikan dan indeks pematuhan telah digariskan di dalam Piagam Pelanggan PKMA agar terus cemerlang dan dapat memenuhi kehendak dan memaksimakan kepuasan Pelanggan.

Pada 18 Januari PKMA telahpun mengadakan Bengkel Semakan Piagam Pelanggan dikalangan ahli Jawatankuasa yang dilantik untuk lebih memfokuskan setiap perkhidmatan yang disediakan dilengkapi indeks pematuhan agar dapat memenuhi kehendak dan kepuasan hati pelanggan .





# TRANSFORMASI: NILAI, KREATIVITI & INOVASI.

Oleh • Sri Muniarty John

Aspirasi perdana mementukan hala tuju Negara. Ia terbahagi kepada empat (4) iaitu sosial, ekonomi, politik dan luar bandar. Dalam transformasi perkhidmatan awam terdapat enam cabaran semasa perkhidmatan awam iaitu kemajuan ICT (sistem penyampaian), k-ekonomi yang berteraskan kepada pengetahuan ekonomi, tadbir-urus dan profesionalism (untuk mencapai prestasi yang tinggi), ekspektasi pelanggan dan *stakeholder*, peningkatan pengetahuan dan globalisasi liberalisasi (untuk meningkatkan daya saing negara).

Empat faktor utama dalam daya saing negara ialah prestasi, ekonomi, kecekapan kerajaan dan kecekapan perniagaan serta pembangunan infrastruktur. Antara ciri-ciri untuk menentukan daya saing negara adalah berwawasan tinggi, berani bersaing, kepantasan membuat keputusan, sentiasa peka dan beretika dan berintegriti.

Sebagai seorang penjawat awam seharusnya mempunyai kreativiti dan inovasi iaitu berfikiran secara kritis dan konstruktif serta mencari penyelesaian kreatif dan inovatif. Kepimpinan strategik merupakan elemen tunjang dalam proses transformasi, keutuhan dan kewibawaan dengan cara mengaplikasi dan mengadaptasi idea-idea yang kreatif.

Perkhidmatan berasaskan prestasi akan menjadikan *outcome* bagi setiap inisiatif dan program yang dilaksanakan. Kaedah perlaksanaan perlu cekap dan efektif dan akhirnya akan menghasilkan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Seorang penjawat awam juga harus mempunyai keputusan bertindak dan membuat keputusan. Ianya dapat dilaksanakan dengan mengotakan janji dan ketelusan dalam urusniaga, seperti dalam pemberian lesen, *development order* dan juga pemberian tender kontrak.

"Apabila orang tidak nampak kerja kita, maka kita tidak akan dihargai". Ini kebiasaan yang berlaku. Apabila kita tidak menonjolkan diri, ia seperti seolah-olah kita tidak bekerja. Sebaliknya pula sekiranya kita mendedahkan apa saja yang kita lakukan, barulah kita akan dihargai. Seorang penjawat awam seharusnya bekerja dengan ikhlas tanpa mengharapkan penghargaan.

Penjawat awam perlu membuka minda dan dan keluar dari kotak pemikiran yang sempit. Memetik daripada kata-kata pensyarah di UMS, Prof. Dato' Mohd. Hamdan Adnan, beliau juga menyatakan bahawa minda manusia umpama payung terjun, ia hidup bila ia dibuka. Adakalanya kita tidak perlu dihargai untuk semua tugas yang kita lakukan, tetapi memadailah sekiranya cadangan atau idea yang diberikan boleh digunapakai dan member manfaat kepada semua. Kita hendaklah berkemampuan untuk melihat secara menyeluruh. *Front-liner should have listening skills;* kita sering kali menghadapi masalah bila ramai yang tidak mendengar. Sebagai penjawat awam janganlah membuat keputusan hanya dengan mendengar dari sebelah pihak sahaja.

Transformasi merupakan perubahan yang besar, nyata dan benar-benar dirasai. Perubahan yang tidak ketara bukanlah dianggap transformasi. Transformasi berlaku secara fizikal dan mental. Sebagai penjawat awam sering kali kita bertemu bila idea yang sama tetapi bila dibawa oleh orang lain idea itu tidak diterima. Ia jelas menunjukkan kepada kredibiliti dan pilihan ramai juga birokrasi. Penjawat awam seharusnya memberikan yang terbaik bukannya mengharapkan yang terbaik. Persepsi yang tidak diuruskan dengan baik akan menjadi realiti.

Perubahan secara total dapat dirasai dengan melakukan transformasi minda. Ini kerana apabila transformasi minda berlaku, keseluruhan transformasi juga akan turut berlaku. Transformasi merupakan sesuatu yang lebih kreatif dan inovatif. Seseorang perlu ada minda yang konstruktif untuk memastikan transformasi berjaya. Inovasi dalam perniagaan adalah menukarkan idea kepada wang. Sekiranya tidak mendapat keuntungan ia tidak perlu diteruskan.

Sebagai majikan atau ketua, kita haruslah menghargai staf dan memberikan mereka pulangan yang setimpal. Laksanakan apa yang dikatakan kerana transformasi bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan banyak pengubahsuaian dan perlu diingatkan bahawa apabila sesuatu menjadi rutin, perubahan itu menjadi sesuatu yang sukar. Janganlah menjadi ketua yang autokratik tetapi jadilah seorang ketua yang demokratik. Bekerja di mana anda ingin bekerja kerana itu adalah tempat anda yang terbaik.

# CAIS User Survey

Oleh • Wan Abdul Rahman Wan Bujang

## Conducted by Research Support & Outreach Services Unit

**Introduction**

*This online survey was carried out from Feb until April 2012. The survey was to get feedbacks from users' perspective on the services and facilities provided by CAIS. 277 responses were received.*

*The survey comprised:*

- *Total Completed Survey Received: 227*
- *Total Incomplete Survey Received: 56*
- *2 sections:*
  - *o Demographic - 3 questions*
  - *o Users' Perspective - 23 questions inclusive of 3 questions that required user's comment*

**Objectives**

*The objectives of the survey are to investigate whether users are satisfied with the services and facilities offered by the Centre and to identify*

**Survey Results**

*A. Demographic*

- *Based on total completed responses received: 221*

**Question 1**
*Gender*
*Female • 74.66%*
*Male • 25.34%*

**Question 2**
*Undergraduate • 79.64%*
*Academic Staff • 14.48%*
*Postgraduate • 3.17%*
*Non-academic Staff • 2.71%*

**Question 3**
*Faculty/Institute/Centre/Department • 20.36%*

**Question 4**
*I use CAIS*

**Question 5**
*I use the Centre for (you may choose more than one answer)*
*finding information for assignment • 71.49%*

**Question 6**
*The Centre's resources I most regularly use are (you may choose more than one answer)*
*Online resources • 70.14%*

**Question 7**
*The age of books in the Centre is mostly new 54.75%*

**Question 8**
*The number of books in CAIS is just enough • 51.58%*

**Question 9**
*I borrow a book from the Centre monthly • 48.87%*

**Question 10**
*I use books from the Centre for (you may choose more than one answer)*
*coursework/ assignments • 83.71%*

**Question 11**
*When I use the Centre to help me with coursework/assignment, I find what I need most of the time • 55.66%*

**Question 12**
*When I cannot find the information or books I need, it is most often because the materials are already on loan • 42.08%*

**Question 13**
*If cannot find what I want (you may choose more than one answer)*
*I ask for help from the Librarian • 60.18%*

**Question 14**
*When I need help using the Centre (you may choose more than one answer)*

**Question 15**
*Would you like more training in how to use the Centre?*
*Yes • 75.11%*












**Question 16**
*When I need information for coursework/ assignment, I most often use resources from (you may choose more than one answer)*
*Google • 82.81%*

**Question 17**
*If CAIS is to shorten the opening hours, it would affect my study*
*a great deal • 47.51%*

**Question 18**
*When I choose a book to read for pleasure, it is most often from*
*CAIS • 51.58%'*

**Question 19**
*I would describe the Centre as (you may choose more than one answer)*
*comfortable • 79.19%*

**Question 20**
*Please rate each of the following areas of the Centre 1star-poor, 2star- okay, 3star- good, 4star- very good*

| Areas | % * | % ** | % *** | % **** |
|---|---|---|---|---|
| fiction | 12.22% | 34.39% | 42.53% | 10.86% |
| reference | 4.07% | 24.43% | 48.42% | 23.08% |
| reading area | 5.88% | 27.15% | 39.37% | 27.60% |
| computer laboratories | 10.86% | 35.29% | 33.03% | 20.81% |
| non-fiction | 8.14% | 38.91% | 40.72% | 12.22% |
| online databases/journals | 8.60% | 30.32% | 35.75% | 25.34% |
| study area | 5.43% | 26.70% | 32.13% | 35.75% |
| Media services | 11.76% | 34.39% | 33.94% | 19.91% |

**Question 21**
*The university Centre would be better if.....*
*collection • 41.74%*

**Question 22**
*I would use the Centre more if.....*
*Collection • 37.72%*

**Question 23**
*The best thing about the Centre is.....*
*Building & Environmental • 47.32%*

**Summary Issues**

*1. Activity*
  *a. To have more activity to attract student*

*2. Facilities*
  *a. To provide more computer in Computer Labs*
  *b. To have more discussion rooms*
  *c. To have better place to perform "solat".*

*3. Services*
  *a. To provide more printers and photocopy machines for their assignment*
  *b. To increase operation hours*

*4. ICT & Network*
  *a. To ensure computers are well functioning*
  *b. To ensure plug and socket for computer/internet is secure*

*5. Collection*
  *a. To provide more on reference collection*
  *b. To provide full access for online resources*
  *c. To purchase more collection on Sarawak and Borneo*
  *d. To have more latest edition for books*

*6. Building & Environmental*
  *a. To provide more tables & chairs*
  *b. Issue more on temperature*

**Conclusion**

*This survey is conducted to see on how the Centre's achievement and performance from the users' evaluation*



# SANTAI ILMU

## Tayangan Filem/Dokumentari

**JANUARI-JUN 2012**

Oleh • Mohd Khairul Hafiz



### ZOO

Tarikh : Januari - Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
Saad bin Minit adalah seorang penganggur yang sangat menyayangi binatang. Disebabkan minat dan kasih sayang terhadap binatang, Saad mencuba nasib menyertai temuduga sebagai pengawal keselamatan di Zoo Negara. Nasib menyebelahi Saad bila diterima bekerja. Kegembiraan Saad tidak lama bila mengetahui rahsia mengapa tiada pengawal keselamatan yang kekal bekerja lama di situ. Saad mengetahui bahawa haiwan-haiwan di situ memahami kata-katanya dan pandai bertutur dalam bahasa manusia.



### MAGIKA

Tarikh : Januari - Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
Magika mengisahkan bagaimana dua beradik yang tersesat di alam bunian selepas keluar rumah pada waktu maghrib. Ayu (Diana Danielle) berhadapan dengan ujian sukar untuk menyelamatkan adiknya iaitu Malik (Fimie Don) yang diculik nenek kebayan lakonan (Ziana Zain). Bagaimanpun Ayu bernasib baik kerana dia bertemu dengan Bad (Mawi) yang membantu menyelamatkan mereka keluar dari dunia asing itu.



### SEPET

Tarikh : Januari – Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*Love story of a teenage couple from a very different background of ethnic and religion. Jason from a Chinese family background, a pirated vcd's seller who fall in love with Orked, a Malay girl.*




### GUBRA

Tarikh : Januari – Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*Gubra (Anxiety) tells a story of love and forgiveness, its possibilities and the hopes it brings. Essentially there are two stories which parallel each other, the first is the continuation of Orked's (Sepet's protagonist) life while the second tells the story of a muezzin, Pak Bilal Li, and his efforts to assist two prostitutes in finding redemption for themselves and their families.*




### THE CHAPLIN COLLECTION

Tarikh : April - Jun 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*A tramp wins the love of a blind flower girl and attempts to obtain money from a millionaire to help her regain her sight.*



### NOT ONE LESS

Tarikh : April - Jun 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*When the regular teacher must leave his post, he can only find a 13 year old girl to take his place. She takes her new job so seriously that she refuses to loose even one student.*




### THE GOOD THE BAD AND THE UGLY

Tarikh : April - Jun 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*The Good, the Bad and the Ugly: Blondie (The Good) is a professional gunslinger who is out trying to earn a few dollars.*




### IN A LONELY PLACE

Tarikh : April - Jun2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*A hotheaded Hollywood screenwriter, questioned for murder, is drawn to his neighbor when she confirms his alibi. His volatile nature eventually threatens to destroy their one last chance for real love.*

**APRIL-JUN 2012** **JANUARI-MAC 2012**



### SEPI

Tarikh : Januari - Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*Three individuals in the city learn the meaning of love, loss and loneliness in this romantic drama. Adam, a successful young chef, creates confectionery masterpieces for weddings, yet has still to find his own bride. Then there is Sufi, who each day runs for miles in an attempt to outrun the memories of his dead wife. Finally, there is Ariel, a young playwright who discovers that theatre is a stage of where her past.*




### BELUKAR

Tarikh : Januari - Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*How often can you confidently say that you understand someone's heart totally? How about the heart of a con-artist? Can a con-artist love unconditionally? How would her lover stake his life on that love? When does the lie start and when does it end? And in the end, who is the predator and who is the prey?*




### HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA

Tarikh : Januari – Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
Kisah berdasarkan adaptasi dokumen sejarah abad ke-16 berjudul "The Malay Annals", "Hikayat Merong Mahawangsa" merupakan sebuah film epik dan pengembaraan penuh aksi dengan watak mitos Merong Mahawangsa. Merong yang dikatakan berketurunan dari Alexander The Great atau Iskandar Zulkarnain telah diberikan satu tugasan yang bakal mengubah hubungan diplomatik dunia dan dirinya sendiri.




### 4 Little Girls

Tarikh : Januari – Mac 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*When a bomb tears through the basement of a black Baptist church on a peaceful fall morning, it takes the lives of four young girls; Denise McNair, Carole Robertson, Cynthia Wesley and Addie Mae Collins. This racially motivated crime, taking place at a time when the civil rights movement is burning with a new flame, could have doused that flame forever. Instead it fuels a nation's outrage and brings Birmingham, Alabama to the forefront of America's concern.*




### LAWRENCE OF ARABIA

Tarikh : April - Jun 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*Presents the story of T.E. Lawrence (Peter O'Toole), the heroic and troubled man who organized the Arab nations to fight the Turks in World War I and then, having reached a pinnacle of power in Mideast politics, retired to postwar military obscurity.*




### DAY AND NIGHT

Tarikh : April - Jun 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*A sensuous actress Laure (Arielle Dombasle) and her producer Raoul Fillipi (Karl Zero travel to Mexico to meet with a reclusive author alexandre (Alain Delon) about the prospect of making a motion picture based on his travel.*




### CLICK

Tarikh : April - Jun 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*A workaholic architect finds a universal remote that allows him to fast-forward and rewind to different parts of his life. Complications arise when the remote starts to make its own choices.*




### FINDING NEMO

Tarikh : April - Jun 2012
Masa : Waktu Pejabat
Sinopsis:
*The fretful Marlin and his young son Nemo become separated from each other in the Great Barrier Reef. Nemo, a clown fish, is unexpectedly taken from his home and thrust into a fish tank in a dentist's office overlooking Sydney Harbor. Buoyed by the companionship of a friendly fish named Dory, Marlin embarks on a dangerous trek and finds himself the unlikely hero.*

**APRIL-JUN 2012** **JANUARI-MAC 2012**

# Senarai Lawatan

Sekolah/Jabatan/Organisasi Luar Ke Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA)
Januari Hingga Jun 2012

| BULAN | TARIKH | PELAWAT | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| Januari | 13/01/2012 | Lawatan Pelajar Diploma Pemiagaantani Universiti Putra Malaysia | 47 |
| | 19/01/2012 | Lawatan Akademik Pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan ke PKMA | 14 |
| Februari | 15/02/2012 | SMK Matang Hilir, Kuching | 42 |
| Mac | 01/03/2012 | Peserta PLKN Kem Puncak Permai, Tondong, Bau | 44 |
| | 09/03/2012 | Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas, Pulau Pinang | 29 |
| | 10/03/2012 | Lawatan Sambil Belajar Pelajar SMK St Teresa ke PKMA | 80 |
| April | 17/04/2012 | Lawatan Sambil Belajar KIK (Infowave), DBKU | 10 |
| | 20/04/2012 | SMK Datuk Patinggi Kedit Betong | 24 |
| | 21/02/2012 | Lawatan Akademik Pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan ke PKMA | 4 |
| | 23/04/2012 | SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, Stampin | 86 |
| | 23/04/2012 | SMK Cheneh Baru, Terengganu | 20 |
| | 24/04/2012 | Kolej Kemahiran Tinggi MARA Rembau, Negeri Sembilan | 6 |
| | 25/04/2012 | Lawatan Sambil Belajar daripada Pelajar UiTM Kampus Puncak Perdana ke PKMA | 2 |
| | 30/04/2012 | SMK Tun Abang Haji Openg, Petra Jaya | 33 |
| Mei | 04/05/2012 | Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang | 28 |
| Jun | 07/06/2012 | SMK Durin, Sibu | 54 |
| | 27/06/2012 | SMK Serian | 78 |
| | 28/06/2012 | Ahli Koperasi SMK Agama Falahiah, Kelantan | 27 |
| | 29/06/2012 | SMK Belantara, Terengganu | 26 |
| | 29/06/2012 | SMK Simunjan | 71 |

# Senarai Aktiviti

(Bengkel/Kursus/Latihan/Ceramah/Khidmat Masyarakat) 2012
Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA)

| BIL | NAMA PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | MASA/ TEMPOH | ANJURAN OLEH | PESERTA/CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Perhimpunan Pagi PKMA 1/2012 | 11 Jan 2012 | Auditorium PKMA | 8.00pg | PKMA | Warga PKMA |
| 2 | Audit Ketua Pustakawan | 11 Jan 2012 | Unit Perkhidmatan Pelanggan | 9.00pg-11.00pg | PKMA | Warga PKMA |
| 3 | Bengkel Penggubalan dan Semakan Piagam Pelanggan PKMA | 18 Jan 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA | 8.15pg-5.00ptg | PKMA | 29 orang |
| 4 | Lawatan Akademik Pelajar UiTM Kota Samarahan, Sarawak | 19 Jan 2012 | PKMA | 2.30ptg | UiTM dan PKMA | 14 orang |
| 5 | Pertandingan Bowling Tertutup PKMA | 21 Jan 2012 | *Crystal Bowl, BDC* | 10.00pg | PKMA | 20 |
| 6 | Makan Malam PKMA | 28 Jan 2012 | Merdeka Palace Hotel. Kuching | 8.00mlm | Kelab PKMA | 70 |
| 7 | Mesyuarat Agong Kelab PKMA dan Pemilihan AJK Kelab Sesi 2012-2014 | 31 Jan 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA | 9.00pg | Kelab PKMA | 50 |
| 8 | Sesi Bimbingan : Pustakawan Penghubung Fakulti | 7 Feb 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA | 8.30pg-1.30ptg | PKMA | 21 Penceramah : Pn Korina Ibrahim |
| 9 | Perkongsian Ilmu : Perjalanan Sebuah Ibadah | 10 Feb 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA | 11.00pg-12.00 tengahari | PKMA Dengan Kerjasama CICTS | 18 orang Penceramah : Tn Hj Valentino Abu Bakar |
| 10 | Bengkel Hala Tuju PKMA: Dua Dekad Memacu Kecemerlangan UNIMAS | 14-15 Feb 2012 | Aras G | 2 hari | PKMA | 75 orang Warga PKMA |
| 11 | Taklimat Perlaksanaan Audit Perjawatan PKMA 2012 | 22 Feb 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA | 9.00pg-12.30 tengahari | PKMA dan Unit Audit Dalaman | Penceramah : Pn Nor Reasia Sebli, Ketua Unit Audit Dalam |
| 12 | Sesi Perkongsian Ilmu Bagi Pegawai/ Staf Yang Telah Menghadiri Kursus | 16 April 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA | 9.00pg - 1.00pm | PKMA | Sesi Perkongsian disampaikan oleh: 1.Pn Margaret Simeng 2.Tn Hj Valentino Abu Bakar 3.En Aziz Tuah 4.Pn Habibah Matadi 5.En Zaidon Safiee |
| 13 | Perhimpunan Pagi PKMA 2/12 | 17 April 2012 | Auditorium PKMA | 8.00pg-9.00pg | PKMA | Warga PKMA |
| 14 | Perhimpunan Pagi PKMA 3/12 | 17 Mei 2012 | Auditorium PKMA | 8.00pg-9.00pg | PKMA | Warga PKMA |
| 15 | Latihan Industri Pelajar Diploma Pengurusan & Teknologi Pejabat dari UiTM Sarawak, Kampus Samarahan | 11 Jun-13 September 2012 | PKMA | 10.00pg - 2.00ptg | PKMA | 2 orang |
| 16 | Sesi Perkongsian :*KPI Services & KPI Technical* | 24 Mei 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA | (9.00pg-12.00 tengahari) | PKMA | Sesi Perkongsian disampaikan oleh: 1.Pn Margaret Simeng 2.En Mac Farlaine G.J Dibuad |
| 17 | Perhimpunan Pagi PKMA | 21 Jun 2012 | Auditorium PKMA | 1 hari | PKMA | 50 |
| 18 | Majlis Keraian Staf PKMA | 26 Jun 2012 | Bilik Rehat level 3 | 1 hari | Kelab PKMA | 52 |







# Senarai Program/ Aktiviti

PKMA Yang Dirancang Sepanjang Julai Hingga Disember 2012

| BIL | PROGRAM AKTIVITI | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Kursus *'How To Market Library Product/Services* | 9-10/07/12 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 2 | Bengkel Semakan Dokumen ISO | 12/07/12 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 3 | Bengkel *'Task Force'* Pengkatalogan | 25-26/07/12 | Makmal Komputer PKMA |
| 4 | Bengkel *'Research Methodology'* | 27/07/12 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 5 | Audit Perjawatan PKMA | 30-31/07/12 | PKMA |
| 6 | Perbincangan Kumpulan Fokus PKMA 2012 - Pegawai Akademik | 7/08/12 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 6 | Perkongsian Ilmu PKMA Siri 2 | 10/08/12 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 7 | Perhimpunan Pagi PKMA | 14/08/12 | Auditorium PKMA |
| 8 | *Introductory and Refresher On Cataloguing Training 2012* | 4-5/09/12 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 9 | *Lawatan Promosi INIS di UNIMAS Sempena Karnival Sains & Inovasi Zon I Sarawak* | 14/09/2012 | Auditorium PKMA |
| 10 | *Introductory & Refresher on Cataloguing Training 2012* | September 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 11 | Perhimpunan Pagi PKMA | 11/09/12 | Auditorium PKMA |
| 12 | Mesyuarat PERPUN | 26/09/12 | Bilik Mesyuarat Rumah Universiti |
| 13 | *2nd PERPUN International Conference and Workshop on Value Management For Libraries* | 27-28/09/12 | DeTAR Putra, UNIMAS |
| 14 | *Randau PKMA Bersama I Fakulti* | Oktober 2012 | Auditorium PKMA |
| 15 | *Perbincangan Kumpulan Fokus 2012 - Pra-Siswazah / MPP / JPK* | Oktober 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 16 | Perhimpunan Pagi PKMA | 09/10/12 | Auditorium PKMA |
| 17 | Perhimpunan Pagi PKMA | 07/11/12 | Auditorium PKMA |
| 18 | *Perbincangan Kumpulan Fokus 2012 - Pasca-Siswazah / Pembantu Penyelidik* | November 2012 | Bilik Mesyuarat PKMA |
| 19 | Bengkel Pencapaian Pelan Strategik PKMA 2012 | Disember 2012 | Auditorium PKMA |
| 20 | Program Aktiviti Arkib Bersama UNIMAS | November/ Disember 2012 | Auditorium PKMA |
| 21 | Perhimpunan Pagi PKMA | 12/12/12 | Auditorium PKMA |
| 22 | Majlis Keraian Staf PKMA | 16/12/12 | Bilik Rehat Staf |



*Oleh • Zaidon Sapiee*
















oleh: Tn Hj Valentino@Muhammad Abu Bakar

# Tazkirah Menjelang RAMADHAN

## RAMADHAN OH RAMADHAN 1433H DATANG LAGI



Seakan baru sahaja menyambut Ramadhan 1432H yang lepas, kini muncul kembali Ramadhan iaitu bagi tahun 1433H iaitu bersamaan 21 Julai 2012. Terima kasih Allah kerana panjangkan umur kami untuk menyambut ramadhan kali ini. Nikmat yang tidak akan kami dustakan lagi yang mana bulan rahmat untuk sekalian alam. Mungkinkah kesempatan ramadhan kali ini ramadhan yang terakhir untuk kami, kerana ajal maut itu merupakan urusan dan ketentuan Allah yang kita tidak pasti tarikh dan masanya. Alhamdulillah dalam kesempatan yang ada ini marilah sama kita meningkatkan amal ibadat kita di bulan yang mulia ini agar amal ibadat kita dapat ditingkatkan dari ramadhan yang lepas dan berdoa agar segalanya diterima Allah. Dipetik antara beberapa hadis berkaitan Ramadhan ;

Abu Hurairah menyatakan :
Telah bersabda RASULULLAH S.A.W yang bermaksud "Apabila telah tibanya Ramadhan, dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup segala pintu neraka dan diikat segala syaitan."
*- Hadis dikeluarkan oleh imam Bukhari, Muslim, Nasai'e, Ahmad dan Baihagi-*

SENARAI SEMAK RAMADAN AL-MUBARAK

1. Menanti-nanti kehadiran bulan Ramadhan sejak bulan Rejab atau Sya'ban dengan berdoa dipanjangkan usia dan diberi kesempatan untuk bertemu Ramadhan yang akan tiba.
2. Amat gembira dan bersunguh-sungguh dengan kemunculan bulan Ramadan (ikhlaskan hati dengan niat Ya Allah moga dengan Ramadhan ini semakin terpelihara aku dari melakukan maksiat dan dosa.
3. Membuat perancangan ibadat sepanjang bulan Ramadan banyakkan amalan sunat
4. Mohon bantuan dan pertolongan daripada Allah untuk menghadapi bulan Ramadhan dengan jaya terutamanya menundukkan hawa nafsu
5. Berazam menunaikan ibadat puasa dengan sempurna tanpa cacat iaitu menjaga tertib dan adab berpuasa (akidah, aurat, akhlak)
6. Berbuka didahului dengan buah kurma mengikut sunnah
7. Berazam solat fardu secara berjemaah sepenuhnya di masjid / surau (dibulan-bulan lain yang tidak berkesempatan kerana sibuk dengan urusan dunia)
8. Bertekad solat tarawih berjemaah di masjid/surau setiap malam (tidak kiralah berapa rakaatnya, 20 rakaat lagi bagus)
9. Memperbanyakkan taubat dan istighfar (berzikir, bertahmid, bertahlil,) serta bersedekah
10. Menghabiskan bacaan al-Qur'an satu juzuk sehari (Khatam AlQuran di Bulan Ramadhan)/bertadarus/ membaca dan memahami AlQuran (tafsir) AlQuran peneman sepanjang hari terutama selepas solat mesti baca sekurangnya lima mukasurat setiap sesudah solat.
11. Bertekad tahajjud setiap malam walaupun hanya dua rakaat terutama ketika bangun sahur.
12. Berdoa agar dipertemukan dengan Lailatul Qadar (Malam Yang Lebih Baik Dari Seribu Bulan)
13. Beriktikaf di masjid pada 10 malam terakhir Ramadhan dengan menggandakan amal ibadat (Giatkan Qiyamullail)
14. Tidak lupa untuk menyempurnakan Zakat Fitrah (Hanya wajib dalam bulan ramadhan sahaja)
15. Berdoa supaya Allah menerima puasa dan semua ibadat ditemukan lagi Ramadan akan datang (panjangkan umurku setimpal dengan amal ibadatku pada Mu Ya Allah)

Sama-sama kita renungkan dan beramal, kerana iman itu ibarat air ada kala pasang dan ada kalanya surut dan kewajipan kita untuk terus berdoa memohon agar iman dan amal itu sentiasa pasang dan terus melimpah hingga ke syurga Allah. Amin

# Kenali Staf PKMA

## • Zainun Mat Nor





*Oleh • Wan Abdul Rahman Wan Bujang*

Perlantikan sebagai Pustakawan S48 pada 1 Mac 2012. Bertanggungjawab terhadap hal-ehwal berkitan perkhidmatan Pusat mulai 15 Mei 2012. Ketua Unit Pembangunan Sumber Ilmu, Pusat Khidmat Maklumat Akademik, UNIMAS sejak Februari 2005 sehingga 15 Mei 2012. Sebelum itu, bertanggungjawab terhadap penubuhan dan pengurusan Koleksi Khas dari tahun 2002 sehingga 31 Januari 2005 serta sebagai Pustakawan Katalog pada Julai 2000 sehingga 2001. Beberapa inovasi telah dilakukan antaranya mengenalpasti dan menyediakan kaedah pengiraan nisbah bahan berbanding staf akademik dan pelajar mengikut program pada tahun 2007. Ini membolehkan PKMA mempunyai hala tuju di dalam urusan perolehan bahan-bahan rujukan. Data yang dihasilkan juga telah digunakan sebagai laporan yang diperlukan oleh MQA. Dalam masa 11 tahun perkhidmatan di UNIMAS, antara kejayaan yang boleh dilihat adalah sebagai Pegawai Dokumen Kualiti yang bertanggungjawab ke atas semua dokumen kualiti MS ISO UNIMAS yang menyumbang kepada kelulusan pengembangan skop persijilan MS ISO 9001:2008 ke PKMA, oleh SIRIM QAS iaitu "Urusan Pembangunan, Pengurusan Sumber Ilmu dan Perkhidmatan Maklumat" pada 15 Julai 2011 serta pengekalan sijil sedia ada di BPPs. Pengetahuan berkaitan pengurusan kualiti diperolehi melalui penglibatan sebagai Ahli Pasukan Audit Dalaman pada tahun 2004 sehingga sekarang.

Atas kepercayaan pihak Pengurusan, telah diberikan tanggungjawab sebagai Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Khidmat Maklumat Akademik pada Ogos 2011 serta Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan Syarikat Untuk Perolehan dan Penghantaran Buku Cetakan dan Terbitan Luar Negara oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik, pada Ogos 2010. Diberikan tanggungjawab sebagai Ketua Jawatankuasa Kecil Kertas Kerja Forum Kepustakawanan (2009 dan 2010), Ketua Jawatankuasa Kecil Pelaporan Forum Kepustakawanan 2010, Ketua Jawatankuasa Kecil Kertas Kerja dan Pelaporan Seminar Kepustakawanan anjuran PKMA (November 2011) serta ahli Jawatankuasa Kecil Pelaporan Sumbangsaran Pengurusan dan Profesional di peringkat Universiti (Februari 2011). Juga aktif sebagai ahli Kumpulan Pustakawan Perolehan PERPUN (Persidangan Perpustakaan Akademik dan Negara) mulai tahun 2010. Permulaan kerjaya sebagai pustakawan bermula sebagai Pustakawan Katalog di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada Ogos 1992 iaitu selepas memperoleh Diploma Lepasan Ijazah Sains Perpustakaan dan Maklumat, Institut Teknologi MARA (UiTM) dengan anugerah Sijil Dekan. Tanggungjawab terakhir semasa di Perpustakaan UIAM adalah sebagai Ketua Bahagian Perolehan iaitu dari Februari 1999 sehingga Ogos 1999. Sebelum itu merupakan Pustakawan Hadiah dan Pertukaran (Sep. 1998-Jan 1999) serta Pustakawan Rujukan (Jan 1998 hingga Januari 1999).

